

PENGGUNAAN NAS AL-QURAN DALAM KEMPEN ZAKAT LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

THE PRACTICE OF QURANIC TEXT IN THE ZAKAH CAMPAIGN OF LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa ¹

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: yusry_affandy@usim.edu.my)

Article history

Received date : 5-10-2023
Revised date : 6-10-2023
Accepted date : 26-11-2023
Published date : 21-12-2023

To cite this document:

Md Isa, M. Y. A. (2023). Penggunaan nas Al-Quran dalam kempen zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 205 – 217.

Abstrak: *Kajian ini berkaitan analisis penggunaan nas al-Quran dalam kempen zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Nas al-Quran telah diletakkan dalam risalah bertulis untuk sebaran masyarakat untuk memahami kewajipan zakat dalam Islam khususnya rakyat negeri Kedah. Permasalahan yang timbul ialah risalah ini mengandungi rujukan al-Quran yang lengkap dan separa lengkap. Tambahan pula, nas dalam bahan kempen zakat belum dilakukan analisis khas oleh pengkaji akademik bagi mengenalpasti kelebihan atau kekurangan yang berlaku. Kajian ini penting untuk memastikan nas zakat yang diatur LZNK terhindar daripada polimek pertikaian seperti isu nas yang salah, terjemahan dan tafsiran nas yang kurang tepat. Objektif kajian mensasarkan untuk menganalisis penggunaan nas al-Quran yang terdapat dalam bahan dakwah LZNK, mengenalpasti keabsahan atau kelemahan dari segi metodologi pemaparan teks dan huraian al-Quran dan seterusnya mencadangkan aspek pemantapan. Kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif bagi mendapatkan nas al-Quran berkaitan kewajipan zakat dalam bahan kempen. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menghuraikan penggunaan nas al-Quran dalam aspek ketepatan dalil dan tatacara pengemukaan nas. Dapatan kajian menunjukkan Lembaga Zakat Negeri Kedah memiliki bahan dakwah zakat yang tersendiri seperti risalah, khutbah jumaat, website dan media sosial. Bahan paling utama yang mudah sampai dan dirujuk segenap lapisan masyarakat Kedah ialah menerusi bahan bercetak iaitu risalah Panduan Zakat (2021). Dalam menjalankan urusan dakwah, LZNK didapati tidak mengabaikan pengaplikasian nas al-Quran sebagai bahan dakwah terpenting. Kebanyakan dalil adalah relevan, tepat dan sesuai. Aspek pemantapan terjemahan, tatacara rujukan ayat dan huraian fuqaha' dan mufassir boleh diketengahkan lagi dalam bahan kempen dakwah.*

Kata Kunci: *nas al-Quran, kempen, zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah*

Abstract: *This study is related to analysis of the Quranic texts in the zakah campaign of the Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). The text of the Quran has been placed in a written pamphlet for community distribution to understand the obligation of zakah in Islam, especially to the people of the state of Kedah. The problem that arises is that this pamphlet contains complete and partial references to the Qur'an. Furthermore, the texts in the zakah campaign*

materials have not been specially analyzed by academic researchers to identify the advantages or disadvantages that occur. This study is important to ensure that the zakah text's regulated by LZNK avoids polemic disputes such as the issue of wrong text, inaccurate translation and interpretation of the text. The objective of the study is to analyze the use of the Qur'anic texts found in the LZNK's da'wah material, identify the legitimacy or weakness in terms of the methodology of presenting the text and description of the Qur'an and further suggest aspects of strengthening. This study applies the inductive method to obtain the Qur'anic text related to the obligation of zakah in campaign materials. The descriptive method is carried out to describe the use of the Quranic text in terms of the accuracy of arguments and the procedure for presenting the text. The findings of the study show that Lembaga Zakat Negeri Kedah has its own zakah preaching materials such as pamphlets, Friday sermons, websites and social media. The most important material that is easily accessible and referred to by all levels of Kedah society is printed material, namely the Panduan Zakat (2021). In carrying out da'wah affairs, LZNK was found not to neglect the application of the Qur'an as the most important da'wah material. Most of the arguments are relevant, accurate and appropriate. Aspects of strengthening the translation, verse reference procedure and explanation of fuqaha' and mufasssir can be further highlighted in the da'wah campaign material.

Keywords: *text of al-Quran, campaign, zakah, Lembaga Zakat Negeri Kedah*

Pengenalan

Dalam menerangkan kewajipan zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah menerapkan nas al-Quran dalam bentuk risalah sebagai kempen zakat terhadap masyarakat. LZNK mempunyai bahan kempen dakwah zakat yang diletakkan di kaunter pejabat pusat dan cawangan di seluruh Kedah. Dalam tinjauan yang diadakan, pengkaji telah meneliti aspek kekuatan dan kekurangan yang berlaku dalam proses pengaplikasian nas al-Quran. Terdapat banyak nas al-Quran yang menerangkan kewajipan zakat. Menyedari hakikat ini, LZNK telah meletakkan nas al-Quran sebagai dalil atau petunjuk utama di samping nas hadith untuk disampaikan kepada masyarakat. Implikasinya masyarakat memahami bahawa zakat adalah daripada perintah Allah S.W.T. yang tertera dalam *al-Quran al-Karim*.

Permasalahan Kajian

Risalah kempen zakat LZNK mengandungi paparan al-Quran yang lengkap dan separa lengkap. Ini kerana terdapat ayat yang diterjemahkan secara lengkap dan sebahagiannya tiada terjemahan ayat yang sempurna. Menurut para pegawai bahagian syariah LZNK, nas dalam bahan kempen zakat belum dilakukan analisis khas oleh pengkaji akademik bagi mengenalpasti kelebihan atau kekurangan yang berlaku. Justeru, suatu analisis wajar dilaksanakan sebagai langkah penilaian semula.

Antara kaedah masyarakat awam memahami nas ialah menerusi terjemahan ayat. Dalam hal ini, terjemahan yang tepat adalah diperlukan. Sebarang terjemahan daripada maksud andaian perlu dihindari sama sekali. Keperluan utama dalam menyampaikan sesuatu ayat al-Quran ialah menyampaikan teks ayat yang tepat sebagaimana yang tertera dalam *Mushaf al-'Uthmani* yang sedia diterima pakai di kalangan majoriti ulama. Kesilapan menyampaikan teks ayat seperti kalimah yang berubah, hilang kalimah atau cara *rasm* yang berbeza boleh menghilangkan hikmah pendirian alim ulama untuk menempatkan *Mushaf al-'Uthmani* sebagai rujukan ummah.

Di samping itu, aspek yang perlu diteliti ialah rujukan nombor ayat dan nama surah. Pengabaian terhadap rujukan tersebut menyebabkan proses penyampaian nas al-Quran tidak sempurna kerana berlaku pertentangan rujukan asalnya yang mengandungi nombor ayat dan nama surah. Dalam konteks institusi Islam berpengaruh seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah, rujukan sedemikian perlu disemak dan dipastikan keabsahannya.

Lazimnya dalam risalah kempen bercetak, penggunaan ayat al-Quran diterapkan dalam bentuk terjemahan sahaja. Perkara ini dibenarkan dalam syarak dengan syarat memastikan rujukan yang tepat dan disertakan dengan ungkapan seperti “maksudnya” atau “ertinya.” Pendekatan ini untuk mengelak salahfaham atau persepsi bahawa firman Allah S.W.T. adalah dalam bentuk Bahasa Melayu. Penambahan perlu dilakukan jika belum ada.

Metodologi Kajian

Kaedah kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif bagi mendapatkan nas al-Quran dalam sumber primer yang utama iaitu risalah bertajuk *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman* (t.t.) Risalah ini dinilai sebagai bahan kempen utama kerana disebar di kaunter rasmi setiap pejabat zakat seluruh negeri Kedah.

Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menghuraikan penampilan nas al-Quran yang dilakukan pihak LZNK. Penghuraian akan menyentuh tentang keabsahan ayat, maksud, terjemahan dan seterusnya mengemukakan ulasan tambahan berbentuk cadangan tafsiran ayat. Ulasan berkenaan akan disertakan pendapat *fuqaha'* dan *mufasssir* daripada rujukan kitab fiqh dan tafsir yang muktabar. Rujukan utama yang digunapakai ialah:


- i. *Tafsir al-Imam al-Shafi'i* (2006).
- ii. *Safwah al-Tafasir* (1981).
- iii. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an* (1994).
- iv. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (1998).
- v. *al-Tafsir al-Munir* (1998).
- vi. *Tafsir Quran Karim* (1998).
- vii. *al-Qur'an dan Terjemahannya*. (1412H).
- viii. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an: 30 Juz* (1990).
- ix. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (2000).

Dapatan Kajian

Bahan kempen zakat LZNK yang utama ialah *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman* (t.t.) Bahan ini disediakan dalam bentuk risalah A4 dan buku kecil terbitan tahun 2021. Kedua-dua bahan dakwah ini mempunyai persamaan kandungan dan sedikit sahaja perbezaan kandungannya.




Rajah 1: Risalah Panduan Zakat Bersaiz A4 LZNK
 Sumber: *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (2021)*



Rajah 2: Buku Panduan Zakat LZNK
 Sumber: *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (t.t.)*

Analisis 1



Rajah 3: Nas Fadilat Bersedekah dan Berzakat
Sumber: *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (2021)*

Kesesuaian nas: Nas ini hanya diletakkan dalam risalah A4. Pengkaji menjangkakan nas ini telah diletakkan tanpa tajuk di bahagian bawah risalah disebabkan faktor risalah yang sudah padat dengan keterangan.


Nas ini berkaitan fadilat bersedekah dan berzakat. Antara *mufassir* yang memperkatakan hubungan ayat ini dengan *infaq* ialah Imam Ibn Kathir (2000). Imam Ibn Kathir menyatakan ayat ini mengandungi jaminan Allah S.W.T. akan mengandakan pahala bagi sesiapa yang menginfakkan harta di jalan Allah.

Rujukan ayat dan surah: ayat 261 *Surah al-Baqarah* adalah tepat.

Terjemahan: Terjemahan nas adalah menghampiri terjemahan ayat daripada kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (1990). Terjemahan terus kepada makna kalimah dan ini sesuai dengan keadaan risalah yang padat. Contoh dalam terjemahan *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (1990) “*tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji..*” manakala dalam risalah ditulis “*tiap-tiap tangkai itu seratus biji...*”.

Kekurangan penerapan nas: Tiada kalimah *ertinya* atau *maksudnya*.

Analisis 2



Rajah 4 : Kenyataan Lapan Asnaf Zakat
Sumber: *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (2021)*

Kesesuaian nas: Sebelum menerangkan jenis-jenis zakat yang diwajibkan, risalah menyentuh tentang Majlis Fatwa Negeri Kedah menetapkan wang zakat tertakluk kepada lapan *asnaf* sejajar dengan ketetapan al-Quran.

Kenyataan tersebut sudah memadai. Antara rujukan kitab yang mengetengahkan fakta yang sama ialah *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili (1998) menyatakan ayat 60 *Surah al-Taubah* telah menjadi sandaran hukum bahawa penerima zakat iaitu *asnaf* terbahagi kepada 8 kelompok.

Sumber ayat 60 *Surah al-Taubah* boleh dimasukkan sebagai rujukan tambahan. Di samping itu, fakta ini boleh juga dimasukkan dalam risalah lain jika timbul keperluan pada masa hadapan.

Rujukan ayat dan surah: nas yang menjadi petunjuk kepada lapan *asnaf* ialah daripada ayat 60 *Surah al-Taubah*. Ayat lengkap adalah seperti berikut:


Firman Allah S.W.T.:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ ۖ ٦٠﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amal-amal yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*”

(al-Quran, *Surah al-Taubah*, 9:60)

Analisis 3



Rajah 5: Nas Kewajipan Zakat Emas dan Perak
Sumber: *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (2021)*

Kesesuaian nas: Nas tersebut adalah nas utama yang menjadi dalil tentang kewajipan zakat emas dan perak (al-Zuhaili, 1998a). Nas ini juga merupakan *tarhib* (ancaman) kepada umat Islam yang gagal menunaikannya.

Antara sokongan terhadap pendalilan ini dapat dilihat dalam tafsiran Syeikh ‘Ali al-Sabuni (1981). Beliau menyatakan bahawa nas ini ditujukan kepada pihak yang enggan membayar zakat dan juga terhadap mereka yang enggan membelanjakan harta di jalan kebaikan.


Rujukan ayat dan surah: ayat 34 dan 35 *Surah al-Taubah* adalah tepat.

Terjemahan: Terjemahan nas telah disatukan daripada ayat 34 dan 35 *Surah al-Taubah*. Terjemahan adalah menghampiri terjemahan ayat daripada kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (1990). Terjemahan didapati berbentuk lebih kemas dan terkini berbanding *Tafsir Pimpinan al-Rahman*.

Contoh dalam terjemahan *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (1990) “*iaitu pada hari dibakar emas perak..*” dan “*...lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka serta belakang mereka...*” manakala dalam risalah kempen ditulis “*iaitu pada hari dibakar emas dan perak...*” dan “*lalu diselar dengannya dahi, rusuk dan belakang mereka...*”.

Kekurangan penerapan nas: Tiada kalimah ertinya atau maksudnya.

Analisis 4



Rajah 6: Nas Kewajipan Zakat Tanaman Utama
 Sumber: *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (2021)*

Kesesuaian nas: Nas ini adalah sebahagian daripada dalil kewajipan zakat. Nas ini dapat dijustifikasi sebagai dalil kewajipan zakat tanaman utama sesuatu negeri (al-Zuhaili, 1998a). Menurut Imam Ibn Kathir (1994) berdasarkan riwayat Imam Ibn Jarir al-Tabari, kebanyakan ulama menilai ayat ini sebagai sandaran kewajipan zakat pertanian.

Para *fuqaha'* berbeza pendapat dalam mendefinisikan zakat pertanian dan jenis pertanian yang diwajibkan zakat hasil daripada dalil ini. Kalangan Ulama Shafi'iyah menamakan zakat pertanian sebagai *zakah al-zuru' wa al-thimar*.

Antara takrifan zakat pertanian ialah: “*Setiap yang tumbuh di atas permukaan bumi yang diusahakan oleh manusia dari biji-bijian yang dapat disimpan* (al-Nawawi, 2003). Dapat difahami padi adalah termasuk dalam takrifan tersebut. Menurut Imam al-Shafi'i (2001) dan Imam Malik (1999), zakat pertanian membabitkan makanan asasi dan tahan lama serta boleh dikeringkan seperti gandum, jagung, beras dan buah-buahan seperti kurma dan anggur.

Rujukan ayat dan surah: ayat 141 *Surah al-An'am* adalah tepat.

Terjemahan: Terjemahan nas adalah amat menghampiri terjemahan ayat daripada kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (1990).

Kekurangan penerapan nas: Tiada kalimah ertinya atau maksudnya. Terdapat terjemahan ayat yang tertinggal iaitu pada bahagian berikut:


Firman Allah S.W.T.:

﴿وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ﴾

Maksudnya: “Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya).

(al-Quran, Surah al-Taubah, 6:141)

Analisis 5



Rajah 7: Nas Kewajipan Perniagaan

Sumber: *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (2021)*

Kesesuaian nas: Nas ini adalah sebahagian daripada dalil kewajipan perniagaan. Meskipun nas ini ringkas namun ia menjadi petunjuk kewujudan zakat perniagaan. Turut serta dalam intipati nas ialah *tarhib* (ancaman) kepada mereka yang gagal menunaikan perintah ayat. Kitab-kitab fiqh semasa seperti *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (1998a) memasukkan ayat ini dalam dalil zakat perniagaan.


Imam Ibn Jarir al-Tabari (1994) meriwayatkan tafsiran daripada Ibn ‘Abbas R.A. bahawa ayat ini sememangnya sabit dengan keperluan muslim untuk menunaikan perintah zakat. Ayat ini juga menggambarkan zakat di samping solat adalah sebahagian simbol ketaatan dan keikhlasan kepada Allah S.W.T.

Rujukan ayat dan surah: ayat 37 Surah al-Nur adalah tepat.

Terjemahan: Terjemahan nas adalah menghampiri terjemahan ayat daripada kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (1990). Terjemahan terus kepada makna kalimah yang sudah memadai. Contoh dalam terjemahan *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (1990) “orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat.” manakala dalam risalah kempen ditulis “orang-orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau jual beli daripada mengingati Allah dan mendirikan solat...”

Kekurangan penerapan nas: Tiada kalimah *ertinya* atau *maksudnya*.

Analisis 6



Rajah 8: Nas Kewajipan Zakat Saham
 Sumber: *Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah (2021)*

Kesesuaian nas: Nas ini dapat dihubungkan sebagai antara dalil kewajipan zakat saham yang menjadi sebahagian zakat era moden. Pengemukakan nas adalah bersesuaian sebagai dalil kewajipan zakat saham seperti yang diketengahkan dalam kitab-kitab fiqh semasa seperti *Fiqh al-Zakah* (al-Qaradhawi, 2009) dan *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (al-Zuhaili, 1998a). Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili (1998a) menyatakan nas ini asalnya berkenaan nas kewajipan zakat galian. Nas juga dapat dijadikan dalil dalam sektor zakat yang lain.

Saham merupakan perusahaan mencari keuntungan yang turut terikat dengan kewajipan zakat. Menurut *fuqaha'* semasa, saham dapat difahami sebagai sebahagian hasil usaha yang diperolehi dari atas bumi seperti penternakan, perdagangan dan perikanan (al-Qaradhawi, 2009).

Keadaan ayat dan terjemahan yang panjang boleh memberi kesan keyakinan positif kepada masyarakat. Mereka diharapkan dapat menyedari kewajipan zakat saham sedia dinaskan dalam al-Quran dengan terperinci.

Rujukan ayat dan surah: ayat 267 *Surah al-Baqarah* adalah tepat.

Terjemahan: Terjemahan nas didapati ditulis berdasarkan dua bahagian terjemahan. Pertama; bermula daripada pangkal terjemahan ayat hingga “...dan dari apa yang kami keluarkan untuk kamu dari bumi.” Pada bahagian ini, pengkaji tidak menjumpai sumber rujukan atau kitab terjemahan autoriti tanah air untuk dikaitkan. Sumber terjemahan masyhur seperti *Tafsir Quran Karim* (Mahmud Yunus, 1998) dan *al-Qur'an dan Terjemahannya* (Majma' Malik Fahd, 1412H) yang terdapat perpustakaan mini Pusat Pengurusan Syariah turut ditelaah pengkaji namun mempunyai terjemahan yang berbeza daripada penterjemahan penerbit. Terjemahan daripada bahagian “Dan janganlah kamu sengaja memilih..” sehingga akhir terjemahan adalah sama seperti teks terjemahan daripada kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (1990).

Kekurangan penerapan nas: Tiada kalimah *ertinya* atau *maksudnya*.

Terjemahan kalimah طَيِّبَتِ akan lebih jelas apabila diterjemahkan sebagai “*hasil yang baik*” berbanding terjemahan dengan makna “*apa yang baik*.” Hasil yang baik boleh dijustifikasikan dengan hasil pelaburan atau keuntungan.

Terjemahan kalimah طَيِّبَتِ dan كَوِّمًا أَخْرَجْنَا kurang menepati maksud ayat jika sekadar diterjemahkan dengan makna “*daripada usaha*” dan “*dari apa yang Kami keluarkan..*” Terjemahan yang lebih tepat ialah “*sebahagian daripada hasil*” dan “*sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan.*” Syarak telah memperuntukan kadar zakat saham ialah 2.5 %. Kadar itu dapat difahami daripada maksud “*sebahagian daripada.*”

Terjemahan ayat dicadangkan diambil daripada keseluruhan terjemahan kitab *Tafsir Pimpinan* dengan elemen kemas kini istilah semasa Bahasa Melayu. Terjemahan kitab tersebut adalah bersesuaian kerana terjemahannya lebih mendekati makna asal dan boleh dikait terus dengan dunia pelaburan.

Cadangan untuk terjemahan lengkap berdasarkan pindaan seperti berikut:

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian daripada hasil yang baik daripada usaha kamu dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Janganlah kamu memilih hasil yang buruk lalu kamu menafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memejamkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah bahawa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.*”

(al-Quran, Surah al-Baqarah, 2:267)

Cadangan

Garis panduan penulisan dan penerbitan al-Quran Kementerian Dalam Negeri boleh dijadikan sebagai antara panduan dalam penulisan LZNK. Ini untuk memastikan aspek asasi dapat diikuti bagi menghasilkan sebuah terbitan yang menepati arus perdana dan saranan *Ulil Amri*. Panduan tersebut ialah *Garis Panduan Penerbitan Buku Asas Pembelajaran Bacaan Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri* boleh diakses di laman sesawang <https://www.moha.gov.my/index.php/ms/2012-08-15-01-17-27/kawalan-teks-al-quran>.

Cadangan utama yang diharapkan dapat diberi perhatian bersama ialah seperti Jadual di bawah:

No.	Ayat Dalam Bahan Kempen	Cadangan
1	Ayat 261 Surah al-Baqarah	Rujukan ayat ini diterbitkan dalam bentuk (Surah Al-Baqarah – 261) diubah kepada (Surah Al-Baqarah, ayat 262) supaya cara menyatakan rujukan adalah sama dengan tatacara rujukan ayat-ayat yang lain.
2	Ketetapan Fatwa Negeri Kedah berhubung wang zakat hanyalah untuk 8 <i>asnaf</i> sejajar dengan ketetapan al-Quran.	Untuk memperlihatkan hubungan yang erat dengan al-Quran dan sebagai menambahkan lagi pengetahuan para pembaca, nas ayat 60 Surah al-Taubah dapat dimasukkan sebagai sandaran.

3	Ayat 141 <i>Surah al-An'am</i>	Semakan terjemahan mendapati terdapat bahagian terjemahan yang tertinggal. Justeru, cadangan terjemahan boleh diambil daripada bahagian analisis yang telah dilakukan.
4	Ayat 267 <i>Surah al-Baqarah</i>	Terjemahan pada kalimah tertentu boleh dikemaskini. Ini bertujuan untuk menjelaskan makna kalimah lebih berkesan seperti <i>al-taiyyibat</i> .

Setiap terjemahan ayat digalakkan dimasukkan terlebih dahulu perkataan “maksudnya” atau “ertinya”. Ini untuk mengelak zahir ayat seakan-akan telah difirmankan Allah S.W.T. dalam Bahasa Melayu. Tambahan pula, terjemahan kadang kala dimasukkan kalimah-kalimah tambahan sebagai penerangan dan bukan mewakili terjemahan perkata al-Quran.

Pendekatan memasukkan perkataan “maksudnya” atau “ertinya” adalah sejajar dengan pendapat Syeikh al-Zaqani (2008):

وإن لم يلاحظ فيها هذا الترتيب فتلك ترجمة القرآن التفسيرية أو المعنوية

Maksudnya: “Dan jika penterjemahan itu tidak dijalankan secara turutan (kalimah) maka itu dinamakan penterjemahan al-Quran secara tafsir dan maknawi.”

Insiatif memasukkan perkataan “maksudnya” atau “ertinya” menjadi insiatif *ihiyat* (kewaspadaan) dalam menterjemahkan ayat al-Quran. Terdapat hadith yang dapat dijadikan pedoman iaitu hadith riwayat Ibn ‘Abbas R.A., Rasulullah S.A.W. bersabda:

وَمَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَلْيَتَّبِعْهُ مَقْعَدُهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: *Sesiapa yang berkata sesuatu pada al-Quran dengan menggunakan pendapatnya sendiri maka bersiap sialah tempatnya di dalam neraka.*

(Hadith *hasan* riwayat al-Tirmizi, no.295. Hadith *dha’if* menurut al-Albani, no.234)

Sebagai langkah pemantapan risalah kempen zakat di masa hadapan, beberapa tafsiran dan keterangan *fuqaha’* dan *mufassir* boleh dimasukkan sebagai fakta tambahan (sila rujuk bahagian analisis). Seandainya pendekatan risalah ringkas lebih relevan, rujukan sumber tafsiran dan keterangan *fuqaha’* dan *mufassir* perlu didokumenkan sebagai bahan rujukan dalaman. Antara sokongan *fuqaha’* dan *mufassir* adalah seperti berikut:

No.	Ayat Dalam Bahan Kempen	Sokongan sumber fakta & tafsir
1	Ayat 261 <i>Surah al-Baqarah</i>	Imam Ibn Kathir (2000)
2	Ayat 34 dan 35 <i>Surah al-Taubah</i>	Syeikh ‘Ali al-Sabuni (1981)
4	Ayat 141 <i>Surah al-An’am</i>	Imam Ibn Kathir (2000), Imam al-Shafi’i (2001) dan Imam Malik (1999)
5	Ayat 37 <i>Surah al-Nur</i>	Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili (1998a) dan Imam Ibn Jarir al-Tabari (1994)
6	Ayat 267 <i>Surah al-Baqarah</i>	Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili (1998a) dan Prof. Dr. Yusuf al-Qaradhawi (2009)

Penutup

Lembaga Zakat Negeri Kedah memiliki bahan dakwah zakat yang tersendiri seperti risalah, khutbah jumaat, *website* dan media sosial. Bahan paling utama yang mudah sampai dan dirujuk segenap lapisan masyarakat Kedah ialah menerusi bahan bercetak iaitu risalah *Panduan Zakat* (2021). Di samping, kempen dakwah zakat juga berjaya dimanfaatkan menerusi wacana khutbah Jumaat.

Dalam menjalankan urusan dakwah, LZNK didapati tidak mengabaikan pengaplikasian nas al-Quran sebagai bahan dakwah terpenting. Ini menunjukkan kesungguhan LZNK dalam merealisasikan tuntutan wahyu. Nas al-Quran telah didedahkan dan disebarkan dalam risalah untuk memahamkan masyarakat bahawa kewajipan zakat mempunyai asas perintahnya. Ia menjadi sebahagian daripada kewajipan agama yang amat penting.

Pengaplikasian nas al-Quran telah berjaya diketengahkan dengan baik. Namun usaha penambahbaikan boleh dilakukan ke arah memartabatkan lagi keberadaan wahyu. kebanyakan dalil adalah relevan, tepat dan sesuai. Aspek pemantapan terjemahan, tatacara rujukan ayat dan huraian *fuqaha’* dan *mufassir* boleh diketengahkan lagi dalam bahan kempen dakwah. Usaha bersama untuk menyempurnakan lagi bahan nas al-Quran boleh menjadi ikutan kepada institusi Islam yang lain. Bahan sedia perlu sentiasa disegarkan sesuai dengan keilmuan dan kesedaran semasa.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

- Al-Farrar, Ahmad bin Mustafa, Dr. (2006). Tafsir al-Imam al-Shafi'i. Riyadh: Dar al-Tadmuriyyah.
- Al-Khin, Mustafa, Mustafa al-Bugha, al-Sharbaji 'Ali. (2015). Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Shafi'i. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Syaraf. (2003). Rawdah al-Talibin. al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Su'udiyah: Dar 'Alam al-Kutub.
- Al-Qaradhawi, Yusuf, Prof. Dr. (2009). Fiqh al-Zakah. Dimashq: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (1981). Safwah al-Tafasir. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim.
- Al-Shafi'i, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Idris. (2001). al-Umm. Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Taba'ah wa al-Nasri wa al-Tauzi'.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abi 'Abd al-Rahman. (2002). Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an. Beirut-Lubnan: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (1994). Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim. (2008). Manahil al-'Urfan fi 'Ulum al-Qur'an. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Zuhaili, Wahbah, Prof. Dr. (1998a). al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah, Prof. Dr. (1998b). al-Tafsir al-Munir. Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr.
- Mahmud Yunus, Prof. Dr. H. (1998). Tafsir Quran Karim. Selangor: Klang Book Centre.
- Majma' Malik Fahd. (1412H). al-Qur'an dan Terjemahannya. Arab Saudi.
- Malik bin Anas. (1999). al-Muwatta'. Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Abdullah Basmeih dan Muhammad Nur bin Haji Ibrahim. (1990). Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an: 30 Juz. Cetakan ke-6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Garis Panduan Penerbitan Buku Asas Pembelajaran Bacaan Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri, <https://www.moha.gov.my/index.php/ms/2012-08-15-01-17-27/kawalan-teks-al-quran>.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah*. (2021). Alor Setar: Lembaga Zakat Negeri Kedah.
- (Risalah) Panduan Zakat Lembaga Zakat Negeri Kedah*. (t.t.). Alor Setar: Lembaga Zakat Negeri Kedah.